



Untuk Terbitan Media
13 Mac 2025

SIARAN MEDIA

HANYA 26% DARIPADA 1.16 JUTA PENGGIAT GIG CARUM PERKESO

KUALA LUMPUR: Liputan perlindungan sosial dalam kalangan penggiat gig disifatkan masih rendah apabila sekadar mencatatkan kadar 26 peratus berbanding 1.16 juta individu yang bekerja dalam sektor berkenaan di seluruh negara.

Menteri Sumber Manusia, Steven Sim Chee Keong, berkata ia mengundang kebimbangan terhadap kelangsungan kehidupan memandangkan mereka berdepan pelbagai risiko, termasuk pendapatan tidak tetap apabila ditimpa kemalangan.

Beliau menzahirkan kegusaran sedemikian susulan perangkaan semasa yang menunjukkan sektor pengangkutan barangan atau makanan merekodkan kadar tuntutan tertinggi faedah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

“Jika diteliti data Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS) PERKESO, pencarum bagi sektor pengangkutan barangan atau makanan terdiri daripada **123,173 individu iaitu 40.7 peratus** berbanding jumlah keseluruhan **302,414 individu**.

“Dari segi faedah, sejumlah **RM8.98 juta** disalurkan kepada pencarum di sektor ini sepanjang 2024, dengan bilangan tuntutan mencecah **1,535 kes atau 32 peratus** daripada jumlah keseluruhan, tahun lalu.

“Justeru, liputan perlindungan sosial yang sudah dijadikan mandatori bagi sektor ini wajar lebih meluas bagi memastikan kelangsungan sosioekonomi mereka tidak terjejas andai ditimpa bencana kerja,” katanya pada ucap tama Majlis Pemeteraian Memorandum Persefahaman (MoU) Antara PERKESO dan *foodpanda* di Menara PERKESO Kuala Lumpur, hari ini.

MoU berkenaan ditandatangani antara Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan PERKESO, Dato’ Sri Dr. Mohammed Azman Aziz Mohammed dan Pengarah Urusan *foodpanda* Malaysia, Tan Ming Luk, sambil disaksikan Steven Sim dan Pengarah Operasi *foodpanda* Malaysia, Shubham Saran.

Turut hadir ialah Pengerusi Lembaga PERKESO, Dato' Sri Subahan Kamal.

Antara inti pati MoU adalah tajaan RM200,000 dari *foodpanda* bagi membiayai baki 10 peratus caruman SPS Padanan Caruman 2.0 yang bakal memanfaatkan lebih 8,000 penghantar *foodpanda* sekali gus menjamin aspek kebajikan mereka.

Steven Sim berkata inisiatif *foodpanda* ini harus diteladani pelbagai syarikat di sektor sama kerana selain mengutamakan keuntungan, pengendali platform juga wajar mengimbangi keperluan untuk membela nasib rakyat Malaysia yang menjana pendapatan di sektor tidak formal.

"Tahun lepas, daripada RM100 juta peruntukan diberikan, kerajaan menyuntik peruntukan tambahan RM86.2 juta untuk SKSPS demi memastikan tiada yang terpinggir daripada mendapat manfaat perlindungan sosial," katanya.

Sementara itu, Ming Luk berkata, MoU berkenaan adalah cerminan komitmen *foodpanda* ke arah menyediakan perlindungan sosial lebih menyeluruh untuk penunggang *p-hailing* di bawah platformnya.

"*Foodpanda* juga komited untuk meningkatkan taraf hidup rakan penghantaran melalui program *panda hearts*, bertujuan memperkasa dan menyokong rakan penghantar dalam lima bidang teras iaitu keselamatan, kesejahteraan, pembangunan peribadi, komuniti dan faedah kebajikan.

"Di *foodpanda*, rakan penghantar adalah nadi operasi syarikat dan mereka bukan sekadar penghantar, tetapi tulang belakang platform yang memastikan jutaan pelanggan di seluruh negara menerima barangan tepat pada masanya.

"Setinggi terima kasih kepada Menteri KESUMA, Steven Sim dan pengurusan tertinggi PERKESO, Dato' Sri Subahan dan Dato' Sri Dr Mohammed Azman kerana terus berdedikasi dalam mengukuhkan perlindungan sosial untuk pekerja gig," katanya.

##TAMAT##

Mengenai PERKESO

PERKESO, agensi Kerajaan yang menyediakan perlindungan sosial kepada pekerja swasta, Badan Berkanun/Kerajaan, bekerja sendiri dan suri rumah serta tanggungannya daripada keadaan luar jangka. Iaitu, kemalangan, hilang upaya, penyakit, kematian dan kehilangan pekerjaan. Perlindungan ini berkonsepkan insurans sosial dengan prinsip 'Prihatin' dan '*no one left behind*'. PERKESO beroperasi di 54 Pejabat, 5 Pusat Rehabilitasi dan 294 MYFutureJob One Stop Center di Malaysia. Layari www.perkeso.gov.my atau hubungi Pusat Khidmat Pelanggan 1300 22 8000.

Mengenai foodpanda

foodpanda adalah peneraju platform makanan atas talian di Asia yang berazam untuk membawa pelbagai jenis makanan, barangan keperluan dan banyak lagi kepada para pengguna dengan pantas dan mudah. Dengan kecanggihan teknologi dan operasi yang cemerlang, foodpanda telah menerajui perkembangan quick-commerce (q-commerce) di seluruh rantau ini dengan kerjasama rakan niaga, termasuklah pandamart – perkhidmatan pembelian barangan runcit di atas talian yang akan memberikan lebih banyak pilihan di sebalik jutaan pilihan penghantaran makanan yang lain. foodpanda beroperasi di lebih daripada 300 bandar di seluruh 11 pasaran di Asia Pasifik - Singapura, Hong Kong, Thailand, Malaysia, Pakistan, Taiwan, Filipina, Bangladesh, Laos, Kamboja dan Myanmar. foodpanda dimiliki oleh Delivery Hero, peneraju industri penghantaran makanan di dunia. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.foodpanda.com.

Dikeluarkan oleh:**Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat****13 Mac 2025****Untuk pertanyaan media, sila hubungi:****Ridauddin Daud****+6019-3265772****ridauddin.daud@perkeso.gov.my****Lisa Santa Maria****M: +6017-675 4692****E: l.santamaria@foodpanda.my**